

13/10/2003

Sumbangan PM dihargai

GEORGETOWN: Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon mewakili rakyat Pulau Pinang, tidak ketinggalan untuk menulis pesanan menghargai sumbangan dan jasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepanjang khidmatnya sebagai Perdana Menteri.

Menerusi program Tribute to Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad anjuran akhbar The Malay Mail, Koh berbuat demikian ketika road show yang diadakan di Prangin Mall, di sini, semalam.

Antara lain Koh menulis: "Terima kasih kerana mengilhamkan negara dengan Wawasan 2020, untuk galakan kepada kami semua, untuk memiliki keyakinan diri, untuk mencapai kecemerlangan, untuk bersatu dan bangga menjadi rakyat Malaysia, keranamu Dr Mahathir."